

PERLEMBAGAAN UMNO DIPINDA

2010 OCT 1992

Oleh Mohd Shah Abdullah dan Izman Ismail

KUALA LUMPUR: Perlembagaan Umno akan dipinda supaya sebarang bantahan terhadap mesyuarat di peringkat bahagian dan cawangan hanya dibuat sebelum mesyuarat itu bermula, kata presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, pindaan itu bertujuan mengelakkan ahli memeralatkan status perwakilan sama ada mufliis atau ahli tidak sah sebagai alasan bagi membantah mesyuarat bahagian.

"Jadi selepas ini kita tidak akan terima lagi sebarang bantahan yang dibuat selepas mesyuarat. Ini termasuk isu kehadiran perwakilan serta orang yang tidak mempunyai hak memasuki mesyuarat.

"Kita tidak mahu orang yang mufliis atau bukan ahli Umno masuk ke dalam mesyuarat kerana kalau seseorang calon itu kalah dalam pertandingan, dia akan mendakwa mesyuarat itu tidak sah.

"Ini sengaja dibuat dengan membawa orang ini (mufliis dan bukan ahli) untuk menentukan kalau calon itu kalah, dia boleh dakwa mesyuarat itu tidak sah. Jadi kalau dia hendak buat dakwaan (bahawa ada anggota yang tidak layak turut menghadiri mesyuarat itu), dia mesti dakwa awal-awal lagi," katanya kepada pemberita selepas mempepergunakan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, yang berlangsung kira-kira tiga jam, di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, tidak hadir di mesyuarat itu kerana berada di Korea Utara untuk urusan rasmi bersama Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid. Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pula berada di Singapura menghadiri Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM).

Menteri Hal-Ehwal Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun juga tidak hadir dan difahamkan mengalami keuzuran.

Menurutnya, MT mene-

rima dan mengesahkan kesahihan 149 mesyuarat perwakilan bahagian yang dijalankan sehingga ini, kecuali Umno bahagian Labuan, di Sabah; Batu (Wilayah Persekutuan); Batu Gajah dan Tapah, di Perak, diarahkan mengadakan mesyuarat semula.

Umno bahagian Labuan dan Batu diarah mengadakan mesyuarat perwakilan Ahad depan manakala Umno bahagian Tapah bermesyuarat semalam (Sabtu) manakala Batu Gajah, hari ini.

Katanya, MT turut menghantar wakil bagi menghadiri mesyuarat itu. Bagi Umno bahagian Batu, wakil MT ialah Datuk Rahim Bakar dan Datuk Hussein Ahmad. Bagi Umno bahagian Labuan, wakilnya ialah Hassan Harun dan Datuk Khalid Yunus.

Perdana Menteri berkata, bagi mesyuarat bahagian Batu pula, semua wakil cawangan dibenarkan menghadiri mesyuarat, termasuk 17 bahagian yang sebelum ini digantung oleh Ketua Bahagian itu, Datuk Azman Attar Othman.

Menurutnya, Pemuda Umno bahagian Batu Pahat juga diminta mengadakan mesyuarat semula, yang dikendalikan oleh jawatankuasa bahagian itu dan perwakilan yang dipilih kelak akan dibenarkan menghadiri perhimpunan agung Umno.

Mengenai perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno, Dr Mahathir berkata, majlis perasmiannya akan dilakukan oleh Ghafar selaku Timbalan Presiden Umno.

Sebelum ini, Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, mencadangkan supaya perasmi perhimpunan Pemuda dan Wanita Umno itu dilakukan oleh ketua pergerakan masing-masing.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, berkata satu jawatankuasa akan dibentuk di peringkat MT bagi mengkaji pindaan perlembagaan supaya sebarang bantahan dibuat sebelum bahagian bermesyuarat.